

IBR SPRM BUKAN MAINAN

► Lafaz ikrar penjawat awam perlu dihayati, dipraktikkan

UB 26.8.2017 A1

Oleh SADDAM EDRIS

KOTA KINABALU: Penjawat awam yang melafazkan Ikrar Bebas Rasuah (IBR) diingatkan supaya tidak menganggapnya sebagai perkara mainan.

Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Sabah Datuk Sazali Salbi berkata, inisiatif yang diperkenalkan oleh pihaknya itu seharusnya diresapi, dihayati dan dipraktikkan.

“Kalau sudah berikrar, kita jangan lakukan perbuatan rasuah atau salahguna kuasa kerana kita sudah berjanji pada diri sendiri, ketua dan masyarakat sekeliling termasuklah Maha Pencipta.

“Namun, masih ada segelintir pegawai yang hanya melafazkan dari mulut sahaja tanpa penghayatan mendalam dan ini yang kita tekankan kerana ia akan menjejaskan reputasi diri sendiri termasuklah agensi

itu,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Melafaz dan Menandatangani IBR Kakitangan Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sini pada Jumaat.

Mengenai perkembangan lain, Sazali berkata, dua individu bakal ditahan susulan kes 12 penjawat awam yang berjaya dihadapkan ke mahkamah baru-baru ini.

Katanya, SPRM masih dalam proses pengumpulan bukti dan maklumat berhubung dua individu terbabit sebelum dikenakan tindakan susulan.

Selain itu, beliau mengajak orang awam mendaftarkan diri sebagai sahabat Gerakan Revolusi Anti Rasuah (Gerah) yang baharu dilancarkan pada 8 Mei lepas.

Katanya, revolusi itu yang bersifat ‘Non-Violence’ dan ‘Non-Political’ diwujudkan bagi meningkatkan kesedaran dan keinsafan dalam kalangan masyarakat tentang jenayah rasuah dan salahguna kuasa.

“Pendaftaran sebagai

ahli Gerah ini bukan saja menunjukkan komitmen seseorang untuk bersama SPRM mencegah kemungkaran rasuah tetapi turut menjadi mata dan telinga SPRM dalam menyalurkan aduan dan maklumat.

“Sokongan dan penglibatan masyarakat amat penting untuk bersama-sama membendung jenayah rasuah dan salahguna kuasa selain menjadikannya sebagai musuh nombor satu negara,” katanya.

Mengenai majlis pula, Sazali memuji keterbukaan warga UMS selain menjadi satu cerminan sokongan berterusan daripada institut itu dalam memastikan pentadbiran dan perkhidmatan bebas dibelenggui jenayah rasuah.

“UMS adalah agensi ke 51 dan menjadi institut pengajian tinggi awam (IPTA) pertama di Sabah yang melaksanakan lafaz IBR.

“Komitmen ini amat SPRM

hargaikan dan kita akan terus bekerjasama dengan UMS dalam membuat anjakan membanteras rasuah dan salahguna kuasa untuk dipraktikkan dari pucuk pentadbiran atasan hingga bawah termasuk pelajar di pusat pengajian tinggi ini,” katanya.

Sementara itu, Naib Canselor UMS Profesor Dr. D Kamarudin D Mudin berkata, hampir 200 yang hadir terdiri daripada Pegawai Kanan dan kakitangan akademik serta bukan akademik menyempurnakan pelaksanaan ikrar berkenaan.

Katanya, ia jelas menunjukkan bahawa UMS sentiasa menjalinkan kerjasama dengan SPRM dalam memupuk dan menekankan aspek integriti setiap kakitangan agar tidak terjebak dalam jenayah rasuah dan salahguna kuasa.

“Jenayah rasuah ini sekiranya terus berleluasa akan mengakibatkan bantuan kewangan daripada



KAMARUDIN (kiri) menyempurnakan simbolik penyerahan IBR kepada Sazali.

kerajaan termasuklah perundangan yang sedia ada tidak dapat dilaksanakan sebaiknya sepertimana yang diharapkan.

“Justeru itu, saya yakin bahawa jika nilai integriti

ini diserapkan kepada semua pegawai termasuklah pelajar UMS sendiri, sudah tentu institut ini mampu mentransformasi kepada Universiti Industri 4.0 dengan lebih cepat,” katanya.